

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa hak penjagaan dan penyelenggaraan kanak-kanak akan dipelihara sekiranya pasangan ibu atau bapa warga asing sudah bercerai ataupun meninggal dunia, dan ingin bermastautin di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Isu penjagaan dan penyenggaraan kanak-kanak atas sebab perceraian ibu bapa ataupun sekiranya salah seorang daripada mereka telah meninggal dunia adalah diputuskan oleh pihak Mahkamah Syariah bagi kanak-kanak yang beragama Islam dan oleh Mahkamah Sivil bagi kanak-kanak bukan Islam. Dalam hal ini, urusan penjagaan serta penyenggaraan termasuk isu kemastautinan kanak-kanak untuk kekal tinggal di Malaysia walaupun ibu atau bapanya merupakan warganegara asing, masih lagi diletakkan di bawah tanggungjawab ibu atau bapa tersebut. Perkara-perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya ibu atau bapa berkenaan gagal menjalankan tanggungjawab sehingga menyebabkan kanak-kanak terdedah kepada penderaan atau pengabaian, maka Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengambil tindakan berdasarkan peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*]. Pemeliharaan dan perlindungan akan diberikan kepada kanak-kanak di bawah 18 tahun tanpa mengira status kewarganegaraan kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.